

Headline **Lelaki berisiko tinggi dijangkiti HIV**
Date **31 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Global**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **200**

Language
Page No
Article Size

Color
PRValue

Malay
L-28
50 cm²

Black/white
600



Lelaki berisiko tinggi dijangkiti HIV

HANOI - Kementerian Kesihatan Vietnam memaklumkan golongan lelaki berisiko dijangkiti HIV empat kali lebih tinggi berbanding wanita.

Ketua Jabatan Kawalan HIV/Aids, Nguyen Tanh Long berkata, jangkitan baru dalam kalangan individu berusia 30 hingga 39 tahun di negara ini dilaporkan meningkat, sebaliknya kalangan mereka yang berusia 20 hingga 29 tahun mencatatkan penurunan.

Pakar turut mendedahkan bahawa pemindahan darah adalah punca utama kebanyakan pesakit dijangkiti virus itu berbanding jangkitan menerusi hubungan seks.

Sepanjang separuh tahun pertama ini, Vietnam mendiagnosis lebih 6,100 jangkitan HIV baru, 2,030 pesakit yang menghidap Aids dan 742 mangsa yang maut akibat penyakit berkenaan.